

Harapan dan Keresahan Bakal Guru Pelatih dalam Praktikum Latihan Mengajar

oleh

**Mohd. Zolkifli bin Abd. Hamid
Muhammad Rashid bin Rajuddin
Megat Aman Zahiri bin Megat Zakaria**
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Persiapan dari pelbagai aspek pengetahuan dan kemahiran untuk menjalani latihan mengajar mampu menyediakan pelatih dengan keperluan menangani cabaran mendatang. Namun begitu, keresahan awal mereka menuntut pensyarah pembimbing agar lebih perihatin terhadap isu-isu sebelum praktikum bermula. Kertas ini memaparkan dapatan awal suatu kajian kes deskriptif amalan penyeliaan pengajaran dalam latihan mengajar kendalian Fakulti Pendidikan, UTM. Satu kumpulan homogenus tujuh orang bakal guru pelatih kursus Kemahiran Hidup Bersepadu, Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan yang akan menjalani latihan mengajar pada semester satu sesi 2007/08 telah ditemubual secara berkumpulan. Dapatan menunjukkan, perkara utama yang menjadi harapan guru pelatih ialah mereka mengharapkan pensyarah pembimbing mengenalpasti kelemahan pengajaran mereka, memaklum dan mencadangkan strategi serta menolong bantu mereka dalam menyelesaikan masalah dan mengatasi kelemahan yang timbul. Keresahan mereka tertumpu kepada penilaian dan pemberian markah oleh pensyarah pembimbing yang berbeza pengkhususan daripada guru pelatih.

PENGENALAN

Tiga komponen utama dalam sistem pendidikan sesebuah negara ialah kurikulum, prasarana/infrastruktur dan sumber manusia. Dilihat dari aspek pembangunan sumber manusia, guru dianggap elemen penting yang menjadi nadi penggerak kepada keseluruhan jentera pendidikan. Menyentuh tentang kepelbagaian program pendidikan perguruan pra perkhidmatan di IPTA dan IPG, apa pun bentuk kursus dan jenis pengajian, komponen latihan mengajar dilihat sebagai teras dalam penghasilan guru-guru novis melalui pendedahan pengalaman dalam situasi sebenar. Aspek ini diberi penekanan oleh KPT dan KPM (2006) di mana semasa latihan mengajar, pengalaman yang diperolehi dianggap sebagai sumber paling berpengaruh dalam sosialisasi seorang guru novis. Lanjutan daripada itu, semua guru pelatih diwajibkan menjalani latihan praktikum (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Dalam konteks yang sama, Johnston (1994) menegaskan akan keperluan dalam mendengar 'suara' guru pelatih yang bergelut dengan dilema dwi-peranan iaitu sebagai seorang guru dan juga pelajar sewaktu menjalani latihan mengajar. Sehubungan itu petikan daripada Mueller dan Skamp (2003) harus diberikan perhatian sewajarnya iaitu sekiranya kita ingin melakukan perubahan terhadap pedagogi pendidikan guru, maka semua pengajar perlu mendengar dengan teliti apa yang disuarakan oleh guru pelatih.

Latar Belakang Masalah

Isu kepentingan latihan mengajar dalam latihan perguruan pra perkhidmatan diakui oleh ramai penyelidik dan ahli akademik (Ramlah Hamzah *et al.* (2001); Abdul Raof Dalip dan Subahan Mohd. Meerah, 1991; Abdul Rahim Abdul Rashid *et al.*, 1992; Abu Hassan Kassim *et al.* (1994)). Sehingga kini masih banyak lagi masalah yang dihadapi oleh guru pelatih dibincang dan dibahaskan. Antaranya, guru pelatih berhadapan dengan masalah besar dalam usaha belajar untuk mengajar dan memperbaiki pengajaran (Zakaria *et al.* (2001); tahap kesediaan pedagogi guru pelatih dikatakan kurang memuaskan (Abu Hassan Kassim *et al.* 1994); keyakinan diri dalam menyampaikan isi pelajaran masih rendah (Hashim Othman dan Mohd Daud Hamzah, 2001); prestasi yang kurang memuaskan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005) serta tahap kesediaan, minat dan sikap, pengetahuan dan kemahiran mengajar yang sederhana (Baharin Abu, 2006; Shariff Omar *et al.* 1994). Raths (2001) merumuskan bahawa banyak program pendidikan keguruan masa kini didapati tidak efektif dalam menambahbaik amalan latihan mengajar dan ini seharusnya membuka mata para penyelidik dan ahli akademik untuk mencari puncanya.

Dapatan daripada *literature review* juga menunjukkan, kebanyakan kajian yang dibuat adalah dalam bentuk survei dengan menggunakan soal selidik dan ditinjau dari sudut persepsi sahaja. Kaedah sedemikian tidak dapat membongkar apakah yang tersirat dalam diri guru pelatih tentang keinginan, harapan mahu pun kebimbangan mereka dalam menempoh praktikum LM. Andai kata kita berjaya menyelami perasaan guru pelatih yang terpendam ini lebih awal, mungkinkah lebih banyak permasalahan dapat dicantas sebelum ia dizahirkan dalam bentuk tingkah laku pengajaran mahu pun emosi semasa penyeliaan pengajaran dilakukan?

Konteks Kajian

Kajian preliminari ini dilakukan ke atas sekumpulan guru pelatih Kemahiran Hidup (KH) , Fakulti Pendidikan, UTM, Johor yang akan menjalani latihan mengajar pada semester 1 sesi pengajian 2007/08. Tidak seperti amalan yang biasa dipraktikkan oleh Jawatankuasa Latihan Praktik, Fakulti Pendidikan, UTM sebelum ini, praktikum LM kali ini akan dijalankan sekali sahaja disepanjang tempoh seseorang pelajar/guru pelatih mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda. Bagi sesi kali ini, LM akan berlangsung dari 2 Julai hingga 19 Oktober 2007. Seramai 126 pelajar tahun 2 opsyen KH akan menjalani LM di beberapa buah negeri seperti Melaka, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Johor. Bilangan ini menyumbang 67% daripada keseluruhan 482 pelajar tahun 2 Fakulti Pendidikan yang akan keluar menjalani LM. Manakala bilangan pensyarah yang terlibat pula adalah seramai 74 orang. Sewaktu temu bual diadakan, responden belum lagi mengetahui siapakah pensyarah pembimbing mereka.

Tujuan Kajian

Pada dasarnya, kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan pengajian pasca siswazah. Ia bertujuan memperoleh input tambahan bagi membina protokol temu bual untuk diguna pakai dalam kajian sebenar. Kajian ini secara umumnya ingin mengenalpasti isu-isu dalam persediaan menghadapi LM iaitu apakah:

- i. Harapan guru pelatih KH terhadap pensyarah pembimbing yang akan menyelia mereka, dan
- ii. Perkara utama yang menimbulkan keresahan dan kebimbangan di kalangan guru pelatih KH sewaktu LM berlangsung

METODOLOGI KAJIAN

Sampel kajian

Seramai tujuh (3 lelaki dan 4 perempuan) guru pelatih KH telah dikenalpasti melalui persampelan rawak mudah dengan menggunakan teknik 'mencabut nama daripada peti nama' (Mohamad Najib, 1999). Persampelan dilakukan sewaktu sesi taklimat latihan mengajar di adakan.

Kaedah Kajian

Satu sesi temu bual secara berkumpulan telah diadakan dan butiran temu bual dirakam setelah mendapat persetujuan daripada responden. Soalan yang dikemukakan telah ditentukan terlebih dahulu dan jawapan yang diberi oleh responden adalah terbuka. Penyelidik bertindak sebagai moderator dan mengajukan inkuiri dan interaksi antara responden dalam bentuk yang berstruktur. Tempoh temu bual diadakan ialah lebih kurang satu setengah jam. Pada masa yang sama, penyelidik mencatatkan isyarat-isyarat atau gerak laku tanpa lisan yang ditunjukkan oleh responden ketika temu bual. Data yang diperoleh kemudiannya ditranskripsikan.

Analisis Data

Pendekatan yang diguna dalam menganalisis data adalah seperti mana dicadangkan oleh Belenky *et al.* (1992) (dipetik dalam Othman Lebar, 2007) iaitu pendekatan interpretif-deskriptif di mana penyelidik akan menjelaskan seberapa tepat yang mungkin tentang apa yang dapat difahami serta menstrukturkan semula data dalam bentuk realiti yang boleh dicamkan dan difahami. Deskripsi adalah matlamat utama pendekatan ini.

DAPATAN KAJIAN

Dua isu yang dapat dikenalpasti daripada temu bual ini ialah, guru pelatih:

- i. mengharapkan pensyarah pembimbing dapat mengenal pasti kelemahan guru pelatih, memaklumkan kepada mereka dan mencadangkan penambahbaikan atau memberitahu cara bagaimana kelemahan tadi dapat diatasi/diperbaiki

- ii. bimbang akan pensyarah pembimbing yang berlainan kepakaran dengan opsyen mereka memberikan penilaian yang tidak adil dan menjejaskan pencapaian mereka

PERBINCANGAN

Latihan Mengajar (LM) merupakan satu daripada dua tempoh transisi dalam meniti profesion keguruan bermula daripada latihan perguruan pra perkhidmatan sehinggalah mereka disahkan dalam jawatan sebagai guru siswazah terlatih. Satu lagi transisi ialah sewaktu guru dalam tempoh percubaan (*probationary period*) yang biasanya mengambil masa selama tiga tahun. Kedua-dua tempoh transisi ini dianggap kritikal kerana di dalamnya terdapat elemen penilaian yang diguna bagi menentukan prestasi pencapaian. Yang demikian tidak hairanlah mengapa kedua-dua tempoh transisi ini dikhuatiri oleh para guru, lebih-lebih lagi bagi guru pelatih yang menjalani LM. Ini adalah kerana lulus atau gagalnya LM bagi seseorang guru pelatih itu akan mencorakkan laluan baki pengajian mereka di sesebuah IPTA/IPG. Kegagalan bererti mereka terpaksa mengulang praktikum LM dan peluang mereka untuk diserapkan ke dalam perkhidmatan pendidikan terpaksa ditunda.

Perasaan bimbang, gementar adalah fenomena biasa yang dialami oleh guru pelatih yang akan menjalani LM. Ia merupakan suatu fitrah dalam kehidupan manusia apabila berhadapan dengan sesuatu yang di luar daripada kebiasaan. Ketika ditanya apakah perkara yang paling guru pelatih bimbangkan sewaktu diselia oleh pensyarah pembimbing? Berikut adalah jawapan yang diperolehi;

GP1: *“Penyelia kena faham la... isi kandungan yang kita nak sampaikan. Contohnya la kan, kita ajar subjek KH, tapi penyelia dari bidang matematik. KH banyak amali, dia banyak guna teori. **Harap dia orang faham macam mana nak mengajar dengan kaedah-kaedah pengajaran amali.**”*

Sungguh pun para pelajar yang akan keluar menjalani LM telah didedahkan dengan subjek-subjek asas keperguruan seperti Asas Pedagogi dan Pengajaran Mikro, namun bagi setiap pengkhususan mereka juga didedahkan dengan Kaedah Mengajar yang berbeza kandungan dan penyampaian mengikut opsyen yang diikuti oleh pelajar/pelatih. Pelatih menyuarakan kebimbangan akan berlakunya ketidaksefahaman kaedah mengajar yang telah mereka pelajari dengan tafsiran yang dibuat oleh penyelia. Kebimbangan mereka ini ada asasnya kerana daripada 126 pelajar KH, 75.4 % (95 pelajar) daripadanya akan diselia oleh pensyarah sama ada daripada bidang asas pendidikan, pendidikan sains dan matematik, sains sukan mahu pun sains sosial. Apakah isu yang akan timbul sekiranya seorang pensyarah pembimbing daripada Sains Sukan menyelia pelatih KH? Seperti yang sedia maklum, bahawa banyak aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru KH melibatkan kerja-kerja ketukangan (kemahiran manipulatif) yang dilakukan di bengkel-bengkel. Tidakkah ini nanti akan menimbulkan konflik yang menjejaskan prestasi pencapaian guru pelatih?

Isu kedua adalah dari aspek, konsep tolong bantu dan bimbingan daripada penyelia. Sepersetujuan pendapat (*consensus opinion*) daripada responden memberi gambaran jelas bahawa mereka sangat memerlukan pensyarah pembimbing untuk mengenalpasti masalah/kelemahan mereka, memberitahu mereka akan kelemahan tersebut dan mencadangkan cara menyelesaikan masalah yang dihadapi. Ini dapat dilihat dalam skrip-skrip temu bual berikut:

GP2: "...kenal dia beri bimbingan,...dengan cara **beri cadangan-cadangan**..."

GP4: "**Penyelia patut memahami situasi kita. Apabila kita ada kelemahan, harap dia membetulkan kita...**"

GP3: "...masa dia menyelia tu, dia dapat beri tunjuk ajar. Mintak sedikit pandangan daripada mereka sebab mereka dah berpengalaman. **Dia boleh beri cadangan bagaimana untuk menambahbaik...**"

GP5: "**Penyelia akan beritahu apa yang kurang dan apa yang bagus untuk dikekalkan**"

Guru pelatih merupakan golongan individu yang unik kerana mereka memikul dua peranan dalam satu masa iaitu sebagai guru dan juga pelajar yang sedang belajar bagaimana untuk menjadi guru. ("*Student teachers are adults but they are learners*", Hagger *et al.* (1995, ms 23). Dan dalam proses belajar untuk mengajar itu, pensyarah pembimbing seharusnya menyedari akan pola-pola perkembangan yang ditunjukkan oleh guru pelatih disepanjang tempoh LM berjalan. Merujuk kepada Furlong dan Maynard (1995) terdapat lima peringkat perkembangan guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar iaitu;

1. dealism awal (*early idealism*)
2. kelangsungan peribadi (*personal survival*)
3. menangani kesukaran (*dealing with difficulties*)
4. mencapai tahap mendatar (*hitting a plateau*)
5. bergerak terus (*moving on*)

Setiap peringkat yang dilalui oleh guru pelatih hendaklah disertai atau diiringi dengan stail penyeliaan yang bersesuaian dengan tingkah laku (kecekapan mengajar) dan keyakinan yang ditunjukkan oleh pelajar. Suai padan antara stail penyeliaan dengan perkembangan pembelajaran guru pelatih sebenarnya dapat mengelakkan banyak permasalahan dan ini telah dikaji dengan mendalam oleh Ralph (1996, 1998, 2003) dengan menggunakan pendekatan penyeliaan kontekstual. Teras kepada pendekatan ini ialah memahami perkembangan guru pelatih dan penyelia berusaha memenuhi keperluan guru pelatih bagi menyokong perkembangan tersebut.

Berbicara tentang stail penyeliaan, Copeland (1982) mendedahkan bahawa guru pelatih di peringkat awal latihan mengajar lebih menyukai stail penyeliaan berbentuk direktif (Copeland, 1980; Copeland dan Atkinson, 1978) dan semakin meningkat kemahiran dan keyakinan mereka, mereka mula lebih selesa dengan stail penyeliaan yang bersifat tidak direktif (Copeland, 1982). Oleh itu penyelia disarankan agar mengaplikasikan stail penyeliaan yang bersifat *high directness* di awal latihan mengajar diikuti dengan pengurangan secara beransur-ansur darjah pengarahan (*degree of directness*) sewaktu menuju peringkat akhir latihan (Copeland, 1982). Pola ini menjelaskan apa yang dikatakan oleh Tomlinson (1995) sebagai *scaffolding* iaitu bimbingan dan sokongan kepenyeliaan yang disampaikan oleh penyelia kepada guru pelatih di mana secara beransur-ansur fungsi tersebut digugurkan sejajar dengan keupayaan guru pelatih untuk melakukan tugas secara sendiri. Secara yang lebih khusus Hogan dan Pressley (1997) menamakan konsep ini sebagai *instructional scaffolding* bagi menempatkannya dalam konteks menolong bantu pembelajaran pelajar dan menjurus ke arah pengawalan sendiri dan kebebasan pelajar. *Instructional scaffolding* ialah perbekalan sokongan

secukupnya dalam menggalakkan pembelajaran pelajar apabila konsep-konsep dan kemahiran diperkenalkan buat pertama kali. Sokongan ini secara beransur-ansur akan dikurangkan sedikit demi sedikit sejajar dengan pembinaan strategi pembelajaran pelajar ke arah autonomi, lantas meningkatkan pengetahuan kognitif, afektif dan penguasaan kemahiran psikomotor (Wikipedia, 2007). Guru pelatih akan dibimbing dan diberi tunjuk ajar serta sokongan peribadi yang fleksibel dan secara beransur-ansur tahap bimbingan dan tunjukajar serta sokongan itu dikurangkan sehinggalah guru pelatih tidak lagi bergantung kepada penyelia. Konsep ini menepati apa diperkatakan oleh Glickman (1981) bahawa matlamat utamanya adalah untuk membimbing mereka mencapai suatu peringkat di mana mereka mampu berdikari dan tidak bergantung kepada orang lain. Dilihat secara holistik, bimbingan dan tolong bantu daripada penyelia kepada guru pelatih ini bersesuaian dengan konsep pembelajaran dewasa @ andragogi seperti mana yang dikonsepsikan oleh Knowles (1990) yang mendorong pelajar/pelatih ke arah *self directed learning* melalui *experiential learning* (Kolb, 1984).

Merujuk kepada dapatan temu bual dalam kajian preliminari ini, pada peringkat awal, guru pelatih mengharapkan penyelia berperanan lebih aktif dan mereka sekadar menunggu arahan untuk melakukan sesuatu. Ini menunjukkan bahawa guru pelatih lebih selesa dengan stail penyeliaan berbentuk direktif, sealiran dengan dapatan-dapatan terdahulu. Perhatikan pula skrip berikut yang di berikan oleh GP6 apabila diajukan dengan pertanyaan adakah anda inginkan pensyarah pembimbing berterusan memberitahu kelemahan anda dan membetulkan pengajaran anda?

GP6: “...**tetapi tidaklah di sepanjang tempoh LM...** Pada penyeliaan terakhir tu, tak payah lah lagi beritahu apa yang kurang atau lemah. Kalau beritahu jugak seolah-olah teruklah result kami nanti...”

Ini membayangkan bahawa, guru pelatih ini sedar bahawa stail penyeliaan yang mereka inginkan adalah yang berformatkan transisi direktif kepada tidak direktif. Walau bagaimanapun, untuk tujuan pengesahan, kajian berbentuk *naturalistic* disepanjang tempoh LM perlu dijalankan bagi mendedahkan fenomena sebenar yang berlaku. Dengan demikian kita akan dapat mengetahui apakah pula stail penyeliaan yang diharapkan oleh guru pelatih pada peringkat pertengahan dan akhir LM. Secara teorinya, pendekatan kolaboratif adalah sesuai diamalkan pada peringkat pertengahan dan non-direktif dipenghujung LM ini. Oleh kerana kajian yang dijalankan ini dilakukan pada peringkat persediaan pelajar/pelatih menjalankan LM sahaja, maka interpretasi yang dapat dibuat hanyalah pada peringkat awal sahaja.

KESIMPULAN

Mengetahui dan memahami perasaan guru pelatih, apa yang diinginkan dan apa yang dibimbangkan merupakan satu platform terbaik bagi mengekang permasalahan yang mungkin timbul disepanjang latihan mengajar. Pihak jawatankuasa yang mengurus dan mengelolakan praktikum latihan mengajar hendaklah seberapa boleh mendampingi guru pelatih dengan penyelia yang mempunyai kepakaran yang sama dengan opsyen yang diikuti oleh pelatih. Pensyarah pembimbing, selaku penyelia disaran mengamalkan stail penyeliaan berbentuk direktif di awal penyeliaan latihan mengajar dan secara beransur-ansur berganjak ke arah tidak direktif. Mengetahui harapan dan keresahan guru pelatih lebih awal juga dapat membuka lebih ruang dan peluang untuk membina *rapport* dan menemukan kesesuaian dalam rangka kerja

penyelidikan pengajaran. Dengan itu, *mismatch* atau *incongruity* dapat dielakkan dan konflik dapat diatasi.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Rashid, Abdul Aziz Abdul Talib, Abdul Ghafar Md. Din, & Mohamad Haron. (1992). *Panduan Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Raof Dalip, & T. Subahan Mohd. Meerah. (1991). *Isu-isu Latihan Mengajar*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abu Hassan Kassim, Meor Ibrahim Kamaruddin, Mohammad Bilal Ali, Mohd. Salleh Abu, & Osman, M. (1994). *Penilaian Penyelidikan Latihan Praktik Mengajar Dari Perspektif Guru Pelatih*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Latihan Keguruan Antara Universiti Ke 9, Bangi:UKM
- Abu Hassan Kassim, Meor Ibrahim Kamaruddin, Maslan Osman, Mohammad Bilal Ali, & Mohd. Salleh Abu. (1994). *Perbandingan Kesiediaan, Keupayaan Serta Kesesuaian Guru Pelatih Yang Mengikuti Latihan Ikhtisas Perguruan Di UTM Melalui Dua Program Yang Berbeza: Diploma Lepas Ijazah Dan Pra-siswazah (Secara Integrasi)*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Latihan Keguruan Antara Universiti Ke 9, Bangi:UKM
- Baharin Abu. (2006). *Tahap Kesiediaan Pedagogi Guru Pelatih Fakulti Pendidikan, UTM Dalam Latihan Mengajar*. Kertas kerja dibentangkan dalam Kolokium Fakulti Pendidikan, UTM, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor.
- Copeland, W. D. (1980). Affective Dispositions of Teachers in Training: Toward Examples of Supervisory Behavior. *Journal of Educational Research*, 74(1), 37-42.
- Copeland, W. D. (1982). Student Teachers' Preference for Supervisory Approach. *Journal of Teacher Education*, 33(2), 32-36.
- Copeland, W. D., & Atkinson, D. R. (1978). Student Teachers' Perceptions of Directive And Nondirective Supervisory Behavior. *Journal of Educational Research*, 71(3), 123-127.
- Furlong, J., & Maynard, T. (1995). *Mentoring Student Teachers: The Growth of Professional Knowledge*. London: Routledge.
- Glickman, C. D. (1981). *Developmental Supervision: Alternative Practices for Helping Teachers Improve Instruction*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Hashim Othman, & Mohd. Daud Hamzah. (2001). *Latihan Mengajar Kendalian Sekolah: Penerokaan Komponen-komponen Kecekapan Mengajar Guru Pelatih Pra-siswazah*. Kertas kerja dibentangkan dalam Conference On Challenges And Prospects In Teacher Education, Concorde Hotel, Shah Alam, pada 16-17 Julai 2001.
- Hogan, K., & Pressley, M. (Editor). (1997). *Scaffolding Student Learning: Instructional Approaches And Issues*. Cambridge, MA: Brookline.
- Johnston, S. (1994). Conversations With Student Teachers - Enhancing the Dialogue of Learning to Teach. *Teaching and Teacher Education*, 10(1), 71-82.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010* (Edisi Pelancaran). Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, & Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005). *Penilaian Latihan Mengajar Dalam Program Pendidikan Guru Di Malaysia*. Pulau Pinang: Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG) Malaysia, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, & Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Kesiediaan Profesionalisme Guru Novis: Cadangan Modul Latihan*. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Knowles, M. (1990). *The Adult Learner: A Neglected Species* (edisi ke-4). Houston, Texas: Gulf Publishing Company.

- Kolb, D. (1984). *Experiential Learning: Experience As The Source of Learning and Development*. Englewood Cliffs, CA: Prentice Hall.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar, (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Mueller, A., & Skamp, K. (2003). Teacher Candidates Talk: Listen to The Unsteady Beat of Learning to Teach. *Journal of Teacher Education*, 54(5), 428-440.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ramlah Hamzah, Rosini Abu, Rohani Ahmad Tarmizi, Kamariah Abu Bakar, & Azali Mahbar. (2001). *Penyediaan Guru Dalam Bidang Pendidikan Teknikal Dan Vokasional*. Kertas kerja dibenteng dalam International Conference On Challenges And Prospects In Teacher Education, Concorde Hotel, Shah Alam.
- Ralph, E. G. (1992). Improving Practicum Supervision: A Canadian Experience. *Action In Teacher Education*, XIV(4), 30-38.
- Ralph, E. G. (1993). Sensitive, Sensible Practicum Supervision: A Contextual Application in Saskatchewan. *The Alberta Journal of Educational Research*, XXXIX(3), 283-296.
- Ralph, E. G. (1996). Contextual Supervision: Matching Supervisory Styles With Learners' Needs. *The Canadian Administrator*, 35(5), 1-11.
- Ralph, E. G. (1998). *Developing Practitioners: A Handbook of Contextual Supervision*. Stillwater, Oklahoma: New Forum Press Inc.
- Ralph, E. G. (2000). Aligning Mentorship Style With Beginning Teachers' Development: Contextual Supervision. *The Alberta Journal of Educational Research*, XLVI(4), 311-326.
- Ralph, E. G. (2003). Enhancing Mentorship In The Practicum: Improving Contextual Supervision. *McGill Journal Of Education*, 38(1), 28-48.
- Raths, J. (2001). Teachers' Beliefs and Teaching Beliefs. *Early Childhood Research And Practice*, 3(1), 1-10.
- Shariff Omar, Baharuddin Aris, Mohd. Ghani Awang, & Baharin Abu. (1994). *Penilaian Penyeliaan Terhadap Prestasi Guru Pelatih UTM Dalam Latihan Mengajar*. Kertas kerja dibenteng dalam Seminar Jawatankuasa Latihan Keguruan Antara Universiti Ke9, UKM, Bangi, Selangor.
- Tomlinson, P. (1995). *Understanding Mentoring: Reflective Strategies for School-based Teacher Preparation*. Buckingham: Open University Press.
- Zakaria Kasa, Soaib Asimirin, Abdul Rasid Jamian, & Yahya Othman. (2001). Persepsi Pelatih Terhadap Latihan Mengajar. *Suara Pendidik* (23), 20-30.